Source: *Berita Harian,* p16
Date: 6 July 2017

NUS universiti terbaik di Asia Pasifik, NTU di tempat kelima

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) menduduki tempat pertama dalam Ranking Universiti Asia Pasifik yang dikeluarkan majalah *Times Higher Education* buat kali pertama semalam.

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) berada di tempat kelima.

Universiti Peking mengambil tempat kedua, sementara Universiti Melbourne dan Universiti Tsinghua masing-masing berada di tempat ketiga dan keempat.

Editor senarai kedudukan majalah tersebut, Encik Phil Baty, memaklumkan bahawa NUS berada di tahap tinggi dari segi penyelidikan, suasana pengajaran dan pandangan antarabangsa *(international outlook)*, sementara NTU menyerlah dalam hasil penyelidikannya.

Malah, NTU akan menduduki tempat ketiga jika penilaian dibuat berdasarkan kriteria itu sahaja.

Encik Baty berkata: "Keputusan Singapura yang mantap dalam kelima-lima ciri yang menjadi tunggak senarai kedudukan ini memberi isyarat bahawa ia akan terus berada di kedudukan tinggi dalam senarai ini pada masa akan datang."

Lima ciri itu merujuk kepada pengajaran, penyelidikan, petikan *(citations)*, pandangan antarabangsa dan pendapatan industri.

Mengulas mengenai pencapaian NUS sebagai universiti terbaik di Asia-Pasifik itu, Presiden NUS, Profesor Tan Chorh Chuan, berkata beliau berbesar hati dengan keputusan tersebut.

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, pula berkata warga Singapura seharusnya bangga kerana terdapat dua universiti tempatan yang menduduki tempat teratas dalam ranking dunia.

Beliau menambah: "Di NTU, kami telah mewujudkan sekitaran yang sesuai bagi pendidikan bertaraf dunia dan kecemerlangan dalam kajian.

"Kami akan terus membangunkan kekuatan kami dalam pendidikan, kajian dan kerjasama dengan industri yang akan mencipta nilai bagi Singapura dan dunia."

Lima lagi universiti ditempat 10 teratas ranking itu ialah Universiti Hongkong, Universiti Sains dan Teknologi Hongkong, Universiti Nasional Australia, Universiti Tokyo dan Universiti Queensland.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.